


**KAJIAN NOVEL TINGKATAN 3  
JUSTERU IMPIAN DI JARING**



### **Sinopsis Keseluruhan**

Novel ini mengisahkan cabaran yang terpaksa dihadapi oleh "saya" iaitu Syahir seorang pemain badminton negara yang bersemangat kental dalam menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan dalam mencapai cita-citanya untuk menjadi juara dunia perseorangan badminton . Syahir merupakan seorang pemuda yang berpegang kepada pesanan bapanya supaya memelihara syariat Islam dalam bersukan. Oleh sebab itu, mereka menggelarnya "Ustaz" . Gelanggang badminton ini menjadi pentas Syahir untuk mengharungi desakan keluarga, menepis tanggapan pesimistik pihak birokrat juga saingen daripada teman-teman seperjuangan.Kontroversi gambarnya dengan seorang artis sedikit sebanyak menganggu konsentrasi dalam perlawanan.Syahir hampir putus asa apabila kalah dalam Kejohanan Terbuka Johor di tangan Syed Amiri. Kekalahan disebabkan faktor ketidakadilan dalam menghakimi pertandingan disebabkan pengadil kejohanan dan penjaga garisan yang berat sebelah hampir mematikan semangat Syahir untuk menjadi juara dunia. Akan tetapi, nasib menyebelahi beliau apabila Gopinath terlibat dalam kemalangan jalan raya dan namanya disenaraikan semula sebagai pemain negara setelah Haji Marzuki berkeras meyakinkan pihak atasan berdasarkan rekod antarabangsanya yang cemerlang sebelum ini . Sewaktu hendak bertolak ke Jakarta ibunya pula diserang strok sehingga menyebabkan hati Syahir berbelah bahagi.Namun atas rasa tanggungjawab terhadap negara, peluang yang diberikan tidak dipersia-siakan. Atas semangat yang tinggi di samping sokongan padu daripada jurulatihnya.Haji Marzuki yang telah banyak berkorban,sokongan keluarga dan restu daripada ibunya,serta sokongan daripada teman-teman seperjuangan termasuk Wan Najlah,pemain badminton wanita yang bertudung, Syahir akhirnya berjaya mengharungi pelbagai cabaran sehingga dinobatkan sebagai juara dunia dalam sukan badminton dalam Kejohanan Antarabangsa di Stadium Badminton Istora Senayan,Jakarta.

## **Sinopsis Bab demi Bab**

### **Bab 1 - Ranjau Masih Berliku**

"Saya" (Syahir) berasa kurang selesa sewaktu ditemu ramah oleh Azmie, seorang wartawan yang merupakan rakannya. Keadaan ini berlaku kerana sesi latihan badminton belum lagi tamat dan Azmie mengambil masa yang agak lama. "Saya" masuk semula ke dalam dewan latihan dan pada ketika itu ketiga-tiga jurulatih sedang memberi taklimat kepada lebih kurang sepuluh orang anak muda. Rasa kurang selesa "saya" semakin bertambah apabila ketua jurulatih iaitu Engku Aiman menangguhkan kata-katanya dan melemparkan jelingan ke arahnya apabila dia duduk bersama dengan pemain-pemain badminton yang lain. Engku Aiman juga menyindir Syahir. Setelah selesai taklimat, Syahir bertanya kepada Boon Lee dan Wan Najhan tentang perkara yang diperkatakan oleh Pak Engku. Boon Lee memberitahu mereka kena bertai Terbuka Johor tetapi prestasi semasa yang akan dinilai bukan ranking dunia. Dengan nada dukacita, Wan Najhan mengatakan itu kehendak orang atasan. Penjelasan rakan-rakannya agak mengejutkan dan mengecewakan saya. Syahir berasakan persiapan yang dilakukan selama berbulan-bulan selama ini masih belum memadai dan ada-ada sahaja halangan yang tidak disangka-sangka yang mesti dihadapi. Engku Aiman menyapa "saya" dengan nada sindiran mengatakan dia macam artis kerana ramai wartawan yang mencarinya. Syahir memohon maaf daripada Engku Aiman kerana dia tidak menyangka petang itu ada taklimat lagi kerana pada pagi tadi sudah ada taklimat. "Saya" terasa dengan kata-kata Engku Aiman yang ditujukan kepadanya.

### **Bab 2- Tidak Seindah Mimpi**

"Saya" pulang ke rumah ibu pada petang itu. Ketika makan malam, "saya" disindir oleh Kak Uda Syarizah ketika leka menonton berita sukan. Tabiat "saya" gemar membaca atau menonton televisyen ketika makan. Demi menjaga hati ibu, "saya" meratah ikan patin masak lemak cili api. Kak Uda Syarizah yang merupakan pegawai perubatan di Universiti Kebangsaan Malaysia bertanya kepada "saya" tentang Kejohanan Dunia di Jakarta. Akan tetapi "saya" buat bena tak bena menjawab pertanyaan kakaknya kerana

"saya" berasa dukacita sejak Engku Aiman mengumumkan keputusan yang mereka mesti menang di Terbuka Johor jika ingin ke Jakarta. Ibu bertanya tentang pengajian "saya" di UPM . "Saya" memberitahu ibu bahawa "saya" terpaksa menangguhkan pengajian kerana "saya" ingin tumpukan perhatian pada badminton dahulu kerana tidak lama lagi ada Sukan Antara Benua. Ibu tidak melarang "saya" bersukan tetapi beliau meminta "saya" jangan melupakan pesanan arwah abahnya yang mahu melihat semua anaknya berjaya, berijazah dan berilmu. "Saya" teringat akan ahli keluarga yang lain setelah terpandang gambar keluarga yang diambil hampir lima tahun yang lalu. Arwah abah merupakan seorang ustaz terkenal di Bangi. Abah "saya" pernah mengaji agama di Pattani hingga ke Damsyik. Abang Long dan Abang Alang mengikuti jejak langkah dan ketokohan arwah abah dalam bidang agama. Hanya "saya" seorang yang memilih untuk menjadi ahli sukan. Pada mulanya, abah menentang keinginan "saya" namun akhirnya abahnya akur dengan kehendak "saya" tetapi dia mesti memelihara syariat Islam dalam bersukan.

### **Bab 3- Aku Bukan Ustaz**

Setelah menjalani ujian kecergasan yang dikendalikan oleh Mas Suparman, "saya" (Syahir) mendekati Haji Marzuki yang sedang melatih Bernard untuk berbicara tentang keputusan mengejut Kelab Badminton Malaysia. Haji Marzuki bertanya kepada saya tentang persediaan untuk ke Terbuka Johor. "Saya" meluahkan rasa ketidakpuashatiannya. Haji Marzuki faham akan perkara yang terbuku di hati "saya", Haji Marzuki memberitahu bahawa beliau turut terkejut dengan pengumuman mesyuarat yang dihadiri oleh Pak Engku pada sebelah pagi. "Saya" yang masih belum berpuas hati mempertikaikan semua kejohanan terbuka antarabangsa yang telah disertai oleh mereka dan ranking dunia yang telah diperoleh. Haji Marzuki amat memahami ketidakpuashatian "saya" tentang keputusan yang dibuat dalam mesyuarat itu, namun beliau meminta "saya" menerima kerana semua pemain lain turut terlibat. Berdasarkan ranking dunia tempat untuk "saya", Kam Heng dan Bernard ke Jakarta sudah terjamin. Namun, kenyataan Pak Engku amat tidak menyenangkan hati "saya". Sebelum berakhir sesi latihan pada pagi itu, Haji Marzuki meminta "saya" dan beberapa orang pemain bertengang dan berfikir dengan rasional kerana beliau pasti ada hikmahnya.

"Saya" dan Wan Najhan singgah makan di Restoran 48 Jam. Kami bertemu dengan Wan Najlah adik Wan Najhan. Wan Najlah memanggil Syahir,"Ustaz". Wan Najlah merupakan pemain muda perseorangan badminton wanita yang sedang meningkat naik di peringkat kebangsaan. Wan Najlah menunjukkan profil penuh Syahir dalam Mingguan Riadah pada bahagian 'Personalis Minggu Ini' berserta dengan wawancara.

#### **Bab 4- Meneka Resah di Wajahmu**

"Saya" membaca Mingguan Riadah yang dibelinya pada petang tadi setelah dimaklumkan oleh Wan Najlah.Walaupun sudah banyak kali tulisan berkenaan dirinya tersiar dalam media tetapi yang inilah yang agak istimewa. "Saya" sendiri tidak pasti sejak bila gelaran 'Ustaz' diberikan kepadanya.Dia berasa gelaran itu berkait rapat dengan cara berpakaianya ketika beraksi di gelanggang atau mungkin kerana dia sangat menjaga waktu solat ketika latihan atau pertandingan. Walaupun ada yang tidak berpuas hati dengan cara dan penampilan "saya" namun "saya" tidak mempedulikannya kerana "saya" tetap akan mengingati pesanan bermakna arwah abah yang menyuruh saya menjunjung syariat Islam. "Saya" teringat akan perbualannya dengan Wan Najlah ketika di Restoran 48 Jam tengah hari tadi tentang cara penampilan dan menutup auratnya yang mungkin menyentuh hati Wan Najlah sehingga dia berlalu meninggalkan "saya" yang terpinga-pinga dengan tindakannya itu. "Saya" tergerak hati untuk menghubungi Wan Najlah untuk memohon maaf tetapi dia tidak mahu mengganggu Wan Najlah yang mungkin ketika itu sedang tidur nyenyak.Tambahan pula, "saya" kena bangun awal pagi untuk ke taman tasik bagi mengikuti sesi latihan bersama dengan jurulatihnya, Haji Marzuki.

#### **Bab 5- Aku Bukan Selebriti**

Syed Amiri mengucapkan tahniah kepada "saya" kerana menjadi selebriti minggu ini. Namun, "saya" mengatakan "saya" bukan selebriti.Syed Amiri menyindirnya dengan memanggil "Ustaz" dan bertanya tentang persediaan "saya" untuk ke Kejohanan Terbuka Johor. Pada pagi itu, "saya" dan Bernard meneruskan sesi latihan di bawah bimbingan Haji Marzuki. "Saya" mengambil peluang untuk berbicara dengan Haji Marzuki. Beliau memaklumkan ada

berita kurang baik mengenai undian Kejohanan Terbuka Johor kerana "saya" akan bertemu dengan Syed Amiri. "Saya" agak risau kerana rekod "saya" kurang memuaskan apabila bertemu dengan teman-teman daripada skuad kebangsaan. Namun, kerisauan "saya" itu diredukan oleh Haji Marzuki yang amat yakin "saya" dan Bernard akan terpilih ke Jakarta. Haji Marzuki menyuruh "saya" (Syahir) memperbaik pukulan pancung yang merupakan senjata utama dalam permainan. Syahir mengimbas kembali perkenalannya dengan Syed Amiri sejak di bangku sekolah dahulu. Dia merupakan senior kepadanya. Namun, "saya" tidak pasti punca Syed Amiri sengaja mencari peluang untuk menyakiti natinya. Bagi "saya" sukan itu wasilah untuk memupuk semangat ukhuwah, bukan pencetus permusuhan yang merugikan. Melalui sukan juga, "saya" mula mendekati bangsa lain dan saling membaja semangat perpaduan dengan rakannya Boon Lee, Bernard, Kam Heng, Gopinath, dan ramai lagi.

## **Bab 6- Seindah Akhlak Semanis Senyuman**

Selesai Solat maghrib "saya" mendapati ada tiga panggilan tidak dijawab daripada Wan Najlah. Namun, dia tidak sempat menelefon semula kerana latihan sesi malam akan bermula dan dia akan menghubungi Wan Najlah setelah tamat latihan pada malam nanti. "Saya" tiba di rumah bersama dengan Wan Najhan dan Nik Shahnizam pada pukul 11:00 malam. Wan Najlah menelefon "saya", kami saling bertanya khabar. Wan Najlah memberitahu bahawa abangnya ada mengatakan "saya" akan bertemu dengan Syed Amiri di suku akhir dalam Terbuka Johor. Kami saling meminta maaf atas kejadian yang berlaku di restoran tengah hari itu. Wan Najlah melahirkan rasa kagumnya terhadap kesungguhan "saya" mempertahankan prinsip untuk berpakaian menutup aurat ketika bermain. Wan Najlah melahirkan keinginannya untuk memakai tudung tetapi dia takut dengan pandangan orang. "Saya" memberi contoh pelari pecut wanita dari Bahrain iaitu Rugaya al-Ghasara yang menggunakan sut trek dan dilitupi tudung ketika berlari. Dia merupakan pemenang pingat emas acara 200 meter dalam Sukan Asia di Doha. "Saya" memberi dorongan dan sokongan kepada Wan Najlah untuk meneruskan niatnya memakai tudung.

## **Bab 7-Hidayah Itu Milik Allah**

"Saya" (Syahir) pergi bertemu dengan Azmie di pejabat Mingguan Riadah. "Saya" mengenali Azmie sewaktu wartawan sukan itu membuat liputan Kejohanan Terbuka Kelantan.Sewaktu di pejabat tersebut "saya" menerima panggilan telefon daripada Wan Najhan yang memaklumkan adiknya, Wan Najlah telah membuat kejutan di kem latihan pemain wanita, dia memakai tudung dan seluar trek panjang. "Saya" bersyukur atas perubahan Wan Najlah. Empat orang gadis pelajar jurusan media dari UITM yang datang membuat kajian di pejabat ini mengajak "saya" merakamkan gambar bersama dengan Ratnajuara program Akademi Impiana. Pada mulanya,"saya" agak keberatan namun setelah dipujuk berulang kali dan pelajar UITM itu mengatakan mereka bergambar beramai- ramai bukannya berdua menyebabkan "saya" akhirnya bersetuju.

## **Bab 8- Jangan Ada Pilih Kasih**

Rakan-rakan "saya", Bernard dan Kam Heng perasan akan tindakan Engku Aiman yang sengaja mencari salah saya.Namun,apabila Engku Aiman mengungkit kekalahan "saya" kepada Han Xuanze dari China di hadapan teman-teman seperlatihan dan pengurus pasukan negara,Dr Asraf menyebabkan "saya" benar-benar kesal.Tambahan pula, ketiadaan Haji Marzuki kerana demam selesema menyebabkan Engku Aiman menggunakan kesempatan itu untuk menyerang "saya".Engku Aiman asyik memuji Syed Amiri berbanding pemain-pemain lain. Selesai sahaja latihan pada petang itu, "saya" memandu pulang ke Bandar Baru Bangi. "Saya" mahu meluangkan masa dengan emak pada petang dan malam ini memandangkan hujung minggu ini dia akan ke selatan tanah air. Ibu mengajak "saya" ke Madrasah Darul Itqan yang terletak di Sungai Merab untuk menghadiri ceramah Ustaz Itqan Fathi . Pulang dari situ, kami singgah di pasar malam untuk membeli juadah berbuka puasa. Ibu kelihatan tidak bermaya kerana berpuasa.Setelah solat isyak, "saya" mendapati ibunya terbaring sehingga menyebabkan "saya" kaget lalu menghubungi Kak Uda.

## **Bab 9- Hijrah Najlah**

Sepanjang perjalanan ke Johor Bahru hati "saya" (Syahir) tidak tenang walaupun Kak Uda memberi jaminan ibu akan sembuh dalam sehari dua lagi.Selain kesihatan ibu, Haji Marzuki juga tidak dapat bersama-sama kerana belum pulih daripada demam selesema.Kejohanan Terbuka Johor bermula selepas Solat Jumaat di Dewan Badminton Tanjung Puteri. "Saya", Bernard dan Kam Heng agak terkejut dengan kelincahan permainan Syed Amiri. "Saya" turut berasakan bahawa ada tugas berat menantinya malam ini, tambahan pula tiada jurulatihnya di sisi. "Saya" meninjau perlawanan perseorangan wanita, Wan Najlah yang sudah berubah penampilannya. "Saya" amat bersyukur kerana gadis itu telah digerakkan hati untuk melaksanakan syariatnya.Sewaktu melewati bilik persalinan untuk menemui Nik Shahnizam,Dr.Asyraf memanggil "saya" dan bertanya tentang hubungan "saya" dengan artis terkenal. "Saya" terpinga-pinga kerana tidak mengetahui cerita sebenar. Dr.Asyraf menunjukkan akhbar yang bertajuk Syahir & Ratna ada hubungan istimewa. Syahir tertanya- tanya orang yang cuba mengenakannya kerana mereka bergambar enam orang bukan berdua. Dr.Asyraf menasihati "saya" kerana "saya" ada potensi untuk pergi lebih jauh. "Saya" benar-benar rasa terpukul dengan kata-kata Dr.Asyraf dan "saya" berasa jahatnya mainan media.

## **Bab 10-Selamat Tinggal Jakarta**

Perlawanan telah berlanjutan ke set penentuan, beberapa orang pegawai kejohanan jelas memihak kepada pihak lawan .Konsentrasi "saya" semakin luntur apabila pengadil perlawanan berat sebelah walaupun "saya" membantah. Kesabaran "saya" semakin menipis akibat mutu pengadilan yang sangat buruk sehingga membunuh semangat "saya". Usai perlawanan, "saya" berjabat tangan dan mengucapkan tahniah kepada Syed Amiri meskipun "saya" sukar menerima kekalahan ini. "Saya" berusaha menenangkan diri daripada menyerah pegawai kejohanan yang bersekongkol untuk memenangkan Syed Amiri.

## **Bab 11- Tuhan.Berikan Aku Ketabahan**

Pulang dari Johor Bahru, aku tetap menjalani latihan seperti biasa walaupun amat berat untuk dilalui. Semua pemain utama skuad kebangsaan layak ke ibu kota Indonesia melainkan "saya". Wan Najhan dan Nik Shahnizam memberi kata-kata semangat untuk "saya" terus mencuba pada tahun-tahun hadapan. Gosip cinta "saya" dengan Ratna mulai mlarat ke beberapa akhbar tabloid yang lain. Ramai wartawan yang menghubungi "saya" untuk mendapatkan kepastian namun tidak "saya" layan. Azmie memberitahu dia tidak tahu -menahu cara berita sensasi itu tersebar kerana gambar berbau fitnah itu lebih dahulu tersiar dalam Internet. Haji Marzuki memujuk "saya" dengan mengatakan itu lumrah dunia dan mahu "saya" melupakan berita itu dan menumpukan perhatian kepada latihan. Kata-kata nasihat dan semangat daripada Haji Marzuki menyedarkan "saya". Beliau menyuruh "saya" bercuti selama dua tiga hari. "Saya" menurut kata Haji Marzuki dan pulang ke Bandar Baru Bangi. Ibu yang sudah sihat mengajak "saya" ke Seremban rumah Mak Usu Sapiah. "Saya" menurut sahaja keinginan ibu. Dalam perjalanan ibunya memberitahu beliau tidak mahu bermenantukan artis. Walaupun "saya" telah beberapa kali manafikan berita itu, namun ibu seolah-olah tidak memahaminya. "Saya" hampir terlena apabila Kak Uda memberitahu ada kawan menelefon. Haji Marzuki memberitahu bahawa Gopinath kemalangan.

## **Bab 12- Sabar Masih Bersisa**

Pada awal pagi itu, "saya" berangkat pulang ke Kuala Lumpur dengan menaiki komuter. Haji Marzuki mengarahkan saya balik segera. Setelah "saya" menziarahi Gopinath yang terlantar parah di Hospital Kuala Lumpur. Haji Marzuki meminta "saya" segera berlatih seperti biasa sehingga menyebabkan "saya" kehairanan. Akhirnya, Haji Marzuki memberitahu bahawa beliau telah berkeras dengan pihak atasannya untuk menghantarnya menggantikan Gopinath ke Jakarta. Haji Marzuki sudah menyakinkan mereka dengan rekod antarabangsa "saya". Syed Amiri yang menjuarai Kejohanan Terbuka Johor mula disebut-sebut sebagai bintang yang bakal menyinar di Jakarta minggu depan. Bernard melahirkan kekecewaannya terhadap Syed Amiri dan Pak Engku mengutuk saya di belakang. "Saya" bersabar dengan kata-kata sindiran daripada Syed Amiri yang menyebabkan nafsu amarah "saya" melonjak.

## **Bab 13- Panggilan Menjelang Dinihari**

Menurut Dr.Asyraf dan Haji Marzuki laluan "saya" sangat beronak jika dibandingkan dengan Bernard,Kam Heng dan Syed Amiri. "Saya" berasa agak malang kerana terpaksa bertemu dengan pemain muda dari Korea Selatan,China dan Indonesia yang tidak pernah ditentang sebelum ini.Akan tetapi jika difikirkan ada baiknya daripada menentang teman- teman senegara terutamanya Syed Amiri. Haji Marzuki menegah "saya" berfikir tentang undian itu sebaliknya menyuruh "saya" kuatkan mental,teguhkan iman.banyakkan berselawat dan berdoa. Haji Marzuki mahu dia ke Jakarta dengan penuh keyakinan. Beliau juga mahu "saya" kawal emosi kerana di Istora Senayan,Jakarta suasana gelanggangnya lebih panas dan provokatif. Kata-kata Haji Marzuki menguatkan keazaman "saya".Sewaktu "saya" mencari keterangan berjalan-jalan mengelilingi tasik, Kak Uda menelefon memberitahu bahawa emak pitam di rumah Abang Long.

## **Bab 14- Istikharah Sebelum Keberangkatan**

"Saya" benar-benar buntu untuk membuat keputusan sama ada mahu pergi ke Jakarta atau tidak.Banyak sungguh onak yang perlu "saya" lalui untuk bertanding di Jakarta kali ini.Emak yang terlantar di Hospital Universiti membuatkan "saya" tidak keruan.Kata-kata Abang Long dan Kak Ngah yang mengatakan "saya" lebih mementingkan karier daripada emak menyebabkan "saya" berasa serba salah. "Saya" berasa sakit pada bahagian tengah perut datang kembali tetapi "saya" tidak mengadukan kepada pegawai perubatan kerana takut nama akan digugurkan daripada menyertai kejohanan."Saya" cuba mendapatkan pendapat Wan Najhan dan Nik Shahnizam tentang pemergianku ke Jakarta. Kedua-dua temanku menyepi. "Saya" menunaikan solat istikharah semoga diberi pilihan yang tepat dalam membuat keputusan. "Saya" menelefon Kak Uda untuk mengetahui perkembangan emak. Kak Uda memberitahu emak semakin sihat tetapi sakit angin ahmar ini memakan masa . Kak Uda menyuruh "saya" pergi ke Jakarta, Dia sudah mengambil cuti untuk menjaga emak. "Saya" segera berkemas setelah mendapat perkembangan positif tentang emak daripada Kak Uda. Sebelum ke kompleks sukan, "saya" bersama dengan Wan Najhan dan Nik Shahnizam menziarahi emak di hospital. Saya memeluk emak dan memohon restu.

## **Bab 15-Sehangat Jakarta**

Kali keempat "saya" jejaki kaki ke Jakarta namun gemuruhnya seolah-olah ini kali pertama.Sewaktu sampai di Lapangan Terbang Antarabangsa Soekarno-Hatta.Haji Marzuki mengusikku, beliau membisikkan kata sakti ke telingaku.Kontinjen Malaysia menginap di hotel yang terletak tidak jauh dari Istora Senayan.Sehari sebelum kejohanan bermula kami dibenarkan ke Istora Senayan untuk menguji gelanggang. "Saya" berjaya menewaskan pemain muda dari Korea Selatan.Semua teman-temanku turut memenangi perlawanan dalam pusingan pertama.Pada pusingan kedua, "saya" berjaya menewaskan pemain dari China.Sepanjang perlawanan Haji Marzuki melarang "saya" meninjau permainan pemain-pemain lain.Pada pusingan ketiga, "saya" turun menentang pemain Indonesia Eddy Heryanto. Dia lawan yang paling mencabar setakat ini ditambah dengan sokongan ribuan penonton.Akhirnya, "saya" dapat menewaskan Eddy dan layak ke suku akhir. "Saya" tetap berhubung dengan Kak Uda untuk mengetahui perkembangan emak sekurang-kurangnya empat kali sehari. " Saya" bermohon kepada Allah supaya diberikan kekuatan mental dan fizikal dan ketekuanan iman. "Saya" juga bermohon agar emak pulih seperti sediakala.

## **Bab 16-Sejarah Bakal Tercipta**

Setelah lima hari berlalu, malam ini menjadi penentu siapakah yang bakal menjadi juara dunia? Syed Amiri yang dicanangkan sebagai juara telah tersungkur di peringkat separuh akhir. "Saya" yang dikenali sebagai pemain underdog akan bertemu pemain China yang bukan calang-calang dalam arena badminton. Nasib menyebelahi "saya" apabila lawan "saya" terpaksa menarik diri kerana ditimpa kecederaan betis setelah lima minit perlawanan berlangsung.Takdir-Nya meletakkan "saya" dalam perlawanan penentuan bagi menentang jaguh Indonesia,Andri Minarwan. "Saya" menefon Kak Uda untuk bertanya khabar emak. Kak Uda meminta supaya "saya" tidak bimbang akan kesihatan emak dan menyuruhku bermain betul-betul kerana satu Malaysia mendoakan kejayaanku. Hatiku lega apabila mengetahui emak semakin pulih. "Saya" yakin emak merestui dan mendokan kejayaanku. "Saya" teringat akan Wan Najlah yang mulai disebut-sebut sebagai juara dalam pembikinan. Haji Marzuki mengajak "saya" ke bilik persalinan. Hampir

seluruh pegawai atasan badminton negara, termasuk presiden dan pengurusnya member kata-kata perangsang kepada "saya". Setelah "aku" lengkap mengenakan stoking dan sepatu.Haji Marzuki yang merupakan jurulatihku telah memberitahu janjinya kepada pihak atasan bahawa beliau akan meletakkan jawatan sekiranya "saya" gagal menjuarai kejohanan antarabangsa ini. "Saya" ternganga mendengar pertaruhan yang amat tinggi risikonya demi kejayaan "saya". Saya memeluk Haji Marzuki dengan rasa terharu yang teramat sangat. Haji Marzuki berharap itu bukan menjadi tekanan kepadaku tetapi bermainlah macam biasa demi agama dan negara.

### **Bab 17-Tidak Pernah Menyerah**

Tepat pukul 8:20 malam waktu tempatan perlawan yang dinanti-nantikan tiba jua.Haji Marzuki meminta supaya "saya" terus berselawat agar dapat menghilangkan rasa gemuruh. Pukul 8:30 malam perlawan dimulakan setelah masing-masing memanaskan badan dan menguji bulu tangkis serta gelanggang.Suara Haji Marzuki bagaikan terapi khusus untuk bangkitkan semangatku. "Saya" terus menguasai perlawan pada awal set kedua.Penjaga garisan yang berat sebelah mula menganggu konsentrasi "saya". Haji Marzuki memberi isyarat meminta aku bersabar. "Saya" mengerti maksud Haji Marzuki kekalahan dalam Kejohanan Terbuka Johor banyak mengajar "saya" agar bersabar. "Saya" terus menguasai gelanggang sehingga menyebabkan penonton Indonesia senyap sunyi. Wajah emak terbayang di mata. Dalam kesakitan di perut yang hampir pecah itu, "saya" cuba mengelirukan Andri dengan melonjak tinggi seolah-olah muh melakukn smash dan bulu tangkis itu masuk ke gelanggang Andri. Kesakitanku hilang entah ke mana. "Saya" ingin menjerit sekuat hati.Laungan Malaysia boleh makin menggegar Stadium Badminton Istora Senayan. "Saya" bingkas memeluk Haji Marzuki dan Mas Suparman yang kegirangan di tepi gelanggang.Kami bertiga berdakapan dan saling mengucapkan syukur kepada Allah. Penyokong Indonesia sangat kecewa dengan kekalahan jaguh mereka. Sewaktu penyampaian hadiah dan medal kemenangan, "saya" tidak dapat menanggung lagi kesakitan di abdomen. Andri sempat menahan tubuh "saya" yang hampir rebah.

## **Epilog**

"Saya" (Syahir) pulang ke Malaysia setelah beberapa hari terlantar di hospital di Jakarta akibat radang apendiks. "Saya" amat bersyukur kerana masih berpeluang untuk hidup setelah rasa separuh mati apabila ususnya bagai mahu terburai. Kesakitan yang dirahsiai daripada pengetahuan jurulatih, teman-teman, dan pegawai atasan demi memburu impian untuk meraih gelaran juara. "Saya" tiba di hospital untuk bertemu dengan ibunya. Dia menyerahkan medal emas kemenangannya kepada ibunya. Abang Long memeluknya dan mengatakan semua ahli keluarga berbangga dengan kejayaan "saya".

## **Tema**

Perjuangan dalam bidang kesukanan yang menuntut pengorbanan yang besar.

Buktinya, Syahir pemain nombor 15 dalam ranking dunia terpaksa melakukan pengorbanan yang besar demi merealisasikan hasratnya untuk bergelar juara dunia dalam sukan badminton.

Syahir terpaksa berangkat ke Jakarta untuk bertanding dalam Kejohanan Badminton Antarabangsa meskipun pada masa yang sama emaknya sedang terlantar di hospital. Keputusannya itu menyebabkan Kak Ngah Syahir menuduhnya sebagai anak yang mementingkan diri sendiri.

Selain itu, Syahir juga terpaksa menangguhkan pengajiannya di Universiti Putra Malaysia (UPM) demi mencapai cita-citanya itu. Berkat pengorbanannya itu, perjuangan Syahir untuk bergelar juara dunia dalam sukan badminton menjadi kenyataan.

## **Persoalan**

1. Ketaatan pada perintah Tuhan - Syahir sangat menjaga solat semasa latihan mahupun pertandingan. Dia juga akan berpakaian menutup aurat semasa bermain badminton.
2. Ketabahan menghadapi dugaan - Syahir tabah menghadapi pelbagai dugaan dalam usahanya bergelar juara dunia dalam permainan badminton.
3. Sukan sebagai elemen perpaduan - Syahir mengaku bahawa sukan merupakan alat yang dapat menyuntik elemen perpaduan dalam masyarakat.

4. Kepentingan menuntut imu - Syahir mengakui kepentingan menuntut ilmu dalam kehidupan seseorang insan.
5. Kewajipan menutup aurat - Syahir sentiasa menjaga auratnya dalam berpakaian semasa latihan mahupun pertandingan.
6. Kasih sayang anak kepada emaknya - Syahir telah membatalkan penerbangannya bersama rakan-rakan ke Johor Bahru disebabkan emaknya tidak sihat.
7. Ketidakadilan dalam pengadilan - Syahir kecundang di tangan Syed Amiri dalam Terbuka Johor kerana pengadilan yang tidak telus dan berat sebelah. Dia turut berhadapan dengan insiden yang sama ketika berada dalam pertandingan akhir di Jakarta.

### **Watak dan Perwatakan**

#### **Watak Utama**

#### **Saya (Syahir)**

1. Anak bongsu (hal.13)
2. Seorang ahli sukan
3. Seorang yang mementingkan syariat  
- digelar ustaz - Contoh: Panggilan "Ustaz" sudah lali dengan saya .(hal.26)
4. Seorang yang gemar membaca atau menonton televisyen ketika makan (hal.10)
5. Seorang yang pandai menjaga hati ibu - Contoh: Meskipun agak kenyang.demi menjaga hati emak yang bersungguh-sungguh memasak sepotong ikan patin yang dimasak lemak cili api.saya ratah (hal.12)
6. Seorang yang berpegang kepada janji/wasiat -Contoh: Dia mau semua anaknya berjaya, berijazah,dan berilmu. Peringatan itu sering diulang oleh emak yang setia menjadi penyambung lidah abah...Tidak pernah saya ghaflah akan wasiat arwah abah yang satu ini.Kekal saya genggam hingga kini. (hal.14)
7. Seseorang yang mementingkan ilmu -Contoh:Jadual latihan yang terlalu ketat dan sering bertindan dengan tuntutan pengajian memaksa saya memilih salah satu buat masa ini.tetapi untuk berhenti belajar terus.tidak sekali-kali. (hal.15) Menuntut ilmu itu kan wajib. (hal.36)
8. Seorang yang berhati waja/ Seorang yang teguh pendirian- contoh: Alasan

- abah,sukan mengganggu pelajaran.tetapi hati saya tetap waja. Pendirian saya tetap teguh. (hal.18)
9. Pernah bergelar juara remaja kebangsaan ketika berusia 16 tahun. (hal.18)
10. Seorang yang bersyukur- Contoh: Syukur.Kini wasiat abah masih saya pelihara. (hal.19)
11. Seorang pemain muslim yang menutup aurat di gelanggang pada peringkat antarabangsa. (hal.19)
12. Seorang yang suka membaca- Contoh: Kesibukan yang menghambat diri akhir- akhir ini menyebabkan rutin membaca saya terganggu.(hal.30)
13. Seorang yang mudah simpati-Contoh: Hati saya hiba menyaksikan nasib umat Islam yang diganyang musuh di tanah tumpah darah sendiri.Simpati saya merembes. (hal.32)
14. Seorang yang berlatarbelakangkan keluarga yang memang kuat beragama- Contoh: Bapa saya seorang ustaz.Kedua-dua abang saya juga ustaz.(hal.35)
15. Seorang yang sangat menghormati orang lain- Contoh: Hingga kini.saya kekal menghormatinya sebagai abang. (hal.49)
16. Seorang yang taat akan perintah Tuhan- Contoh: Rasanya gelaran itu berkait rapat dengan cara saya berpakaian ketika beraksi di gelanggang. Mungkin juga tegal saya sangat menjaga waktu solat ketika latihan atau pertandingan.(hal.36)
17. Seorang yang mempunyai beberapa kelebihan yang dicemburi kawan dan lawan. (hal.47)
18. Seorang yang mempunyai kesungguhan- Contoh: "Kesungguhan Abang Syahir dalam mempertahankan prinsip."(hal.57)
19. Seorang yang tegas- Contoh: "...Naj tabik dengan ketegasan abang untuk berpakaian menutup aurat ketika bermain." (hal.57)

## **Watak Sampingan**

### **1. Haji Marzuki**

- Jurulatih berpengalaman, berwibawa dan bertaraf dunia (hal.7)
- Seorang yang pandai membaca gerak hati .(hal.21)
- Seorang yang penyabar (hal.25)
- Bekas juara terbuka Malaysia sebanyak tiga kali, (hal.45)

- Bekas naib juara dunia dua kali.(hal.47)
- Seorang yang suka memberi nasihat dan motivasi. (hal.46)
- Seorang yang penyabar.(hal.46)
- Seorang yang baik hati. (hal.47)
- Seorang yang berkeyakinan tinggi. (hal.47)

## **2. Kak Uda Syarizah**

- Kakak kepada Syahir (saya)
- Pegawai perubatan di Hospital Kebangsaan Malaysia (hal.12)
- Seorang yang mengambil berat -Contoh: Kak Udalah yang paling banyak mengambil berat tentang saya.(hal.13)
- Seorang yang sangat memahami - Contoh: Kak Uda seperti biasa menyokong saya. Memang kakak yang cukup memahami.(hal.15)

## **3. Engku Aiman**

- Ketua jurulatih
- Berusia pertengahan empat puluhan (hal.4)
- Seorang yang suka menyindir
- Seorang yang tegas

## **4. Wan Najlah**

- Adik Wan Najhan
- Seorang gadis yang tinggi lampai (hal.36)
- Pemain muda perseorangan badminton wanita
- Seorang yang periang dan ada harinya pendiam. (hal.26)
- Seorang yang gemar mengusik jika berada di sisi abangnya (hal.26)
- Seorang yang tidak tahan diusik (hal.28)
- Seorang yang agak emosional (hal 55)

### **Latar**

### **Latar Tempat**

1. Dewan latihan -Contoh: Tempat skuad kebangsaan badminton berlatih di bawah ketua jurulatih (Engku Aiman) dan jurulatih (Haji Marzuki dan Mas Suparman) - mengandungi lima gelanggang badminton.(hal.43)

2. Rumah sewa -Contoh: Sejak tinggal menyewa bersama-sama Wan Najhan dan Nik Shahnizam berhampiran kompleks sukan. (hal.12)
3. Rumah emak di Bandar Baru Bangi - Contoh: Syahir pulang untuk menikmati makan malam bersama dengan Kak Uda Syarizah dan emaknya.(hal.10-11)
4. Restoran 48 Jam- Contoh: Sebelum pulang ke rumah ,kami singgah makan tengah hari di Restoran 48 Jam. (hal.25)
5. Taman tasik- Sesudah solat subuh, saya harus keluar berlari mengelilingi taman tasik beberapa pusingan seperti biasa. (hal.55)
6. Taman Shamelin Perkasa, pejabat Azmie -Contoh: Syahir beijumpa dengan Azmie dan empat orang pelajar UITM dan merakamkan gambar bersama-sama dengan artis,Ratna.
7. Stadium Badminton Istora Senayan, Jakarta - Contoh: Tempat pertandingan Kejohanan Badminton Antarabangsa
8. Hotel -15 minit ke Istora Senayan, tempat penginapan pemain -pemain badminton negara
9. Lapangan Terbang Antarabangsa Soekarno-Hatta- Contoh: Sewaktu sampai di Lapangan Terbang Antarabangsa Soekarno-Hatta,Haji Marzuki mengusikku, beliau membisikkan kata sakti ke telingaku.(hal.131)
10. Hospital Universiti -Contoh: Emak dirawat di sini setelah diserang angin anmar. Saya,Wan Najhan dan Nik Shahnizam menziarahi emak sebelum berangkat ke Jakarta, (hal. 128)

### **Latar Masa**

1. Pukul 7:30 pagi- Contoh: Semua pemain kebangsaan menjalani latihan pada pukul 7:30 pagi (hal.4)
2. Lebih setahun- Contoh: Rasanya lebih setahun saya menangguhkan pengajian di Jabatan Pengajian Sukan di UPM.Serdang. (hal.15)
3. Malam- Contoh: Hidangan malam ini memang kegemaran saya. (hal. 12) Syahir makan malam bersama-sama dengan Kak Uda dan emaknya. / Malam ini latihan berlangsung macam biasa.(hal.52)
4. Lima tahun yang lalu- Contoh: gambar usrah kami tujuh beranak yang diambil semasa hari raya puasa hampir lima tahun yang lalu.(hal.16)
5. Tengah hari - Contoh: Syahir dan Wan Najhan makan tengah hari di

Restoran 48 Jam. Mereka bertemu dengan adik Wan Najhan, iaitu Wan Najlah. (hal.25)

6. Pukul 11:10 malam-Contoh : Saya hidupkan televisyen yang hanya sempat saya tonton pada waktu-waktu begini. Buletin Dunia sedang ke udara.
7. Pukul 8:30 pagi- Contoh: Saya dan Bernard meneruskan latihan di bawah bimbingan Haji Marzuki.(hal.43)

### **Latar Masyarakat**

1. Masyarakat pemain badminton
2. Masyarakat yang tabah
3. Masyarakat yang bersemangat kental
4. Masyarakat yang bersungguh-sungguh
5. Masyarakat yang berkeyakinan tinggi
6. Masyarakat yang tegas dalam mempertahankan prinsip
7. Masyarakat yang penyayang
8. Masyarakat yang insaf
9. Masyarakat yang hormat-menghormati
10. Masyarakat yang bersatu padu
11. Masyarakat yang bertanggungjawab

### **Nilai**

1. Kesungguhan
2. Ketabahan
3. Keyakinan
4. Kasih sayang
5. Hormat- menghormati
6. Nasihat-menasihat
7. Bersatu padu
8. Keinsafan
9. Baik hati
10. Keberanian
11. Ketaaanatan

## **Pengajaran**

1. Kita mestilah bersungguh-sungguh dalam mempertahankan prinsip. Contoh; Syahir bersungguh-sungguh dalam mempertahankan syariat Islam.
2. Kita mestilah tabah menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan dalam kehidupan. Contoh: Syahir tetap tabah menghadapi sindiran daripada Engku Aiman dan Syed Amiri.
3. Kita mestilah yakin dengan keputusan yang telah dibuat. Contoh: Haji Marzuki yakin dengan keputusannya untuk memilih Syahir bagi menggantikan Gopinath ke Kejohanan Badminton Antarabangsa di Jakarta.
4. Kita mestilah menyayangi ahli keluarga kita. Contoh: Syahir sangat menyayangi emak dan arwah abahnya.
5. Kita mesti hormat-menghormati antara satu sama lain. Contoh: Syahir amat menghormati Syed Amiri, walaupun Syed Amiri suka menyindirnya.
6. Kita mestilah nasihat-menasihati antara satu sama lain. Contoh: Haji Marzuki sentiasa menasihati Syahir agar menerima keputusan pihak atasan yang mahu memilih pemain badminton berdasarkan prestasi semasa.
7. Kita mestilah bersatu padu dalam masyarakat majmuk di negara kita. Contoh: Syahir menganggap sukan wadah untuk perpaduan kerana dia dapat memupuk perpaduan dengan teman-teman seperjuangannya iaitu, Kam Heng, Gopinath, dan Bernard.
8. Kita mestilah insaf setelah melakukan kesalahan. Contoh: Wan Najlah memohon maaf atas sikapnya di Restoran 48 Jam.
9. Kita mestilah berani mempertahankan pendirian kita. Contoh: Syahir berani mempertahankan pendiriannya yang berpakaian menutup aurat ketika di gelanggang.
10. Kita mestilah taat akan perintah Tuhan. Contoh: Syahir taat akan perintah Tuhan, dia amat menjaga solat semasa latihan dan pertandingan.
11. Kita mestilah berpegang kepada janji. Contoh: Syahir tetap berpegang kepada janji dengan arwah abahnya, yang mahu dia memelihara syariat Islam dalam bersukan.
12. Kita mestilah bijak mengawal emosi kita. Contoh: Syahir terlalu mengikut perasaannya sehingga tidak dapat mengawal emosinya .keadaan ini telah menyebabkan dia kalah kepada Syed Amiri dalam Kejohanan Terbuka Johor.

